



**MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN, PESEKITARAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JPKPKP)
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI MEKANIKAL (FKTM)
BIL.1- TAHUN 2024**

Tarikh : 5 March 2024 (Selasa)
Masa : 10:00 pg – 1:00 tgh
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, FKTM A

Agenda:

1. Kata aluan pengerusi JPKPKP FKTM
2. Pembentangan minit mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 4 – Tahun 2023
3. Semak status takwim JPKPKP FKTM 2024
4. Pelaporan Kemalangan (Dec 2023 – Feb 2024)
5. Penemuan audit dalaman
6. Pelaporan aktiviti KKP
7. Pelaporan pengurusan bahan kimia
8. Pelaporan pengurusan buangan terjadual
9. Pelaporan pengurusan keselamatan mekanikal
10. Pelaporan pengurusan kecemasan dan insiden
11. Usul-sul pekerja untuk mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 1 – Tahun 2024
12. Hal-hal berbangkit
13. Penutup oleh pengerusi JPKPKP FKTM

Senarai kehadiran ahli JPKPKP-FKTM

BIL	NAMA	KEHADIRAN	
1	Prof. Ir. Ts. Dr. Shahrman Abu Bakar	Tidak hadir dengan maaf	1/2
2	Ts. Dr. Syamir Alihan Showkat Ali	Tidak hadir dengan maaf	3/5
3	Ts. Dr. Tan Wee Choon	Hadir	5/5
4	En. Hasrul Nizam Halim	Hadir	4/5
5	Ts. Dr. Hj. Nor Zaiazmin Yahya	Tidak hadir dengan maaf	3/5
6	En. Masri Zairi Mohd Zin	Hadir	5/5
7	En. Muhamad Qauyum Zawawi Ahmad Suffin	Tidak hadir dengan maaf	4/5
8	Ts. Muhammad Khairy Md Naim	Hadir	3/5
9	Tc. Narzrezal Abdul Razak	Hadir	4/5
10	En. Rosiswardi Rusli	Tidak hadir dengan maaf	3/5
11	En. Norzarul Asri Kamis	Hadir	4/5
12	Ts. Dr. Mohd Zamzuri Mohammad Zain	Hadir	3/4
13	Dr. Lee Yit Leng	Hadir	2/4
14	Prof. Madya Ts. Dr. Tan Chye Lih	Hadir	4/4
15	Ts. Liyana Jamaludin	Hadir	3/4

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1	<p><i>Kata aluan pengerusi JPKPKP-FKTM</i></p> <ol style="list-style-type: none"> Pengerusi dan Timbalan pengerusi JPKPKP FKTM mempunyai urusan rasmi dan tidak dapat menghadiri diri. Setiausaha mewakili pengerusi berdasarkan peranan dan fungsi yang telah dibenarkan untuk mengalu-alukan kedatangan semua yang hadir. Setiausaha menyatakan terdapat perubahan baharu yang perlu dilakukan bermula tahun 2024 berdasarkan hasrat Naib Canselor, UniMAP. 	<p>makluman</p> <p>-</p> <p>makluman</p>
2	<p><i>Pembentangan minit mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 4 – Tahun 2023</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 6.3. Draft peraturan makmal/bengkel FKTM yang baharu telah dibawa kepada pengurusan fakulti dan Berjaya memperolehi kelulusan dekan FKTM pada 27 Nov 2023. Peraturan baharu ini dicetak dalam kod QR bersaiz A4 dan ditampalkan di semua pintu masuk ke makmal. Selepas imbas, akan disalurkan ke laman senawang JPKPKP FKTM di https://ikkp-fktm.unimap.edu.my/mylink/peraturan-rules 	<p>Makluman</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>7. Tiada pengesahan tarikh sebenar untuk lawatan akreditasi untuk program diploma dimaklumkan kepada JPKPKP.</p> <p>8.5.1 Ringkasan laporan akhir tahun 2023 JPKM akan dibentangkan dalam mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 1 tahun 2024.</p> <p>9.1.3 Selepas perbincangan dengan pihak COSHE, FKTM akan membuat hebahan kepada staf FKTM untuk menyertai kursus-kursus kompetensi keselamatan pada tahun 2024 memandangkan semua kursus yang dipohon tidak berjaya diperolehi.</p> <p>9.1.5 Terdapat perubahan dari segi pelaksanaan. FKTM akan mengaudit fakulti lain dan sebaliknya JKKP fakulti lain akan audit FKTM.</p> <p>9.1.6 Selepas perbincangan dengan pihak COSHE, dijangkakan sistem baharu HIRARC akan berjaya dipindahkan ke server baharu sekitar March 2024. Untuk mengelakkan kerja berganda, HIRARC akan dikemaskini selepas pemindahan server dan selewat-lewatnya hujung tahun 2024 sekiranya sistem tersebut masih belum tersedia. Akan adakan bengkel 2 hari. Untuk hari pertama, wakil COSHE akan memberi taklimat kepada peserta. Juga, wakil COSHE akan menilai sample HIRARC yang berjaya dikemaskini pada hari pertama menjelang sesi pagi hari kedua.</p> <p>9.2 Detail perancangan tahun 2024 dari JPBT akan dibentangkan dalam mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 1 tahun 2024.</p> <p>9.3 Detail perancangan tahun 2024 dari JPBK akan dibentangkan dalam mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 1 tahun 2024.</p> <p>9.4 Detail perancangan tahun 2024 dari JPERT akan dibentangkan dalam mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 1 tahun 2024.</p> <p>9.5 Detail perancangan tahun 2024 dari JPKM akan dibentangkan dalam mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 1 tahun 2024.</p> <p>10.1.5 Perbincangan telah dilakukan. Ts. Dr. Mohd Zamzuri Mohammad Zain akan dicadangkan untuk perlantikan semula. Dr. Lee Yit Leng akan menggantikan semasa ketiadaan pengurus bahan kimia di kampus atas urusan penempatan industri. Akan tetapi, surat lantikan rasmi masih belum diperolehi.</p> <p>10.3 Disebabkan atas kelewatan penghantaran, semua cadangan pembelian telah disenaraikan sebagai cadangan pembelian tahun 2025. Akan tetapi, pembelian barangan guna habis yang kritikal dan tidak mencecah amount yang tinggi masih boleh dipertimbangkan untuk kelulusan tahun 2024. Cadangan pembelian perlu dibentangkan pada mesyuarat JPKPKP bil. 3 setiap tahun untuk perancangan tahun hadapannya.</p> <p>1. Minit mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 3 bagi tahun 2023 telah diluluskan. Pencadang : Tc. Narzrezal Abdul Razak Penyokong : En. Masri Zairi Mohd Zin</p>	<p>makluman</p> <p>JPKM</p> <p>makluman</p> <p>makluman</p> <p>makluman</p> <p>JPBT</p> <p>JPBK</p> <p>JPERT</p> <p>JPKM</p> <p>makluman</p> <p>makluman</p> <p>-</p>
3	<p>Semak status takwim JPKPKP FKTM 2024</p> <p>1. Takwim JPKPKP FKTM 2024 telah disediakan dalam laman senawang JPKPKP FKTM di . https://docs.google.com/spreadsheets/d/1w7quGkTrlhEESSmje-zswLpZYa61gQDC/edit#gid=2140777205 dan sebelum mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 1 tahun 2024, para penyelaras dan pengurus telah dipohon untuk mengisi dan mengubah berdasarkan kesesuaian. Takwim ini akan disemak pada setiap mesyuarat JPKPKP FKTM yang akan datang.</p> <p>2. Takwim JPKPKP FKTM ini bakal dibentangkan dalam mesyuarat KKP peringkat COSHE untuk memastikan jawatankuasa KKP PTj di UniMAP senantiasa aktif berdasarkan hasrat Naib Canselor.</p> <p>3. Takwim JPKPKP FKTM terbahagi kepada 8 bahagian iaitu :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kursus-kursus kompetensi keselamatan anjuran COSHE 2. Aktiviti-aktiviti pengurusan keselamatan & kesihatan pekerjaan 3. Aktiviti-aktiviti pengurusan bahan kimia 4. Aktiviti-aktiviti pengurusan buangan terjadual 5. Aktiviti-aktiviti pengurusan pasukan tindak balas kecemasan 6. Aktiviti-aktiviti pengurusan keselamatan mekanikal 7. Perkara berkaitan audit & lawatan akreditasi di FKTM 8. Program KKP 	<p>semua</p> <p>makluman</p> <p>-</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>4. Semua penyelaras dan pengurus perlu kemaskini takwim dengan menyatakan anggaran tarikh aktiviti.</p> <p>5. Pembentangan perancangan peruntukan untuk tahun 2025 dan tahun 2026 akan dijadualkan sekitar 6 – 19 September 2024 semasa mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 3 tahun 2024. Mohon semua penyelaras dan pengurus untuk menyediakan maklumat.</p> <p>6. Pembentangan perancangan tahun 2025 akan dijadualkan sekitar 14 – 27 November 2024 semasa mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 4 tahun 2024. Mohon semua penyelaras dan pengurus untuk menyediakan maklumat.</p>	<p>Semua</p> <p>Semua</p> <p>semua</p>
4	<p>Pelaporan kemalangan (Dec 2023 – Feb 2024)</p> <p>1. Sebanyak 3 kemalangan telah dilaporkan dalam tempoh Dec 2023 hingga Feb 2024 yang membabitkan 1 kemalangan melibatkan mangsa dan 2 kejadian kerosakan harta benda.</p> <p>2. Kejadian kerosakan harta benda yang pertama berlaku pada 4 Dec 2023 adalah disebabkan oleh proses penambahbaikan di bumbung bangunan FKTM A. Kerosakan yang teruk di pejabat FKTM dan bilik seminar siantan, FKTM A telah dilaporkan. Semua kerosakan telah ditanggung oleh pihak kontraktor.</p> <p>3. Kemalangan melibatkan mangsa (seorang pelajar antarabangsa) di FKTM A14 semasa proses pembentukan logam pada jam 1 ptg, 3 Jan 24. Jari mangsa telah didedahkan kepada hazard hentaman (tukul). Siasatan mendapati bahawa taklimat keselamatan telah diberikan sebelum penggunaan peralatan. Semasa kejadian, rawatan bantu mula telah diberikan secara serta-merta kepada mangsa. Keputusan siasatan dari pihak COSHE menunjukkan bahawa kemalangan adalah berpunca dari kecuai mangsa. Tanda amaran "Hazard hentaman" dilekatkan pada kawasan berisiko sebagai langkah pencegahan.</p> <p>4. Kejadian kerosakan harta benda yang kedua, kebakaran berlaku pada jam 3 ptg, 22 Feb 24 di Bilik Pensyarah FKTM, tingkat 3, zon C4 (FKTM A). Siasatan awal menunjukkan kebakaran bermula dari unit penyaman udara dalam bilik pensyarah tersebut. Siasatan forensic bomba masih dijalankan. Post-mortem dalaman UniMAP telah diadakan pada petang 26 Feb 2024. Siasatan awal menunjukan kebakaran berpunca daripada pendingin hawa yang terdapat dalam bilik pensyarah. Pihak fakulti telah memesan kepada semua untuk mematikan semua suis semasa ketiadaan staf di bilik/pejabat terutamanya selepas waktu bekerja. Terdapat maklumbalas yang menyatakan hebahan tidak dapat didengari semasa kejadian. Team fasiliti menyatakan bahawa PA sistem akan dinaiktarafkan dengan budget usang baru-baru ini.</p>	<p>makluman</p> <p>makluman</p> <p>makluman</p> <p>makluman</p>
5	<p>Penemuan audit dalaman</p> <p>1. Audit dalaman ini turut dikenali sebagai pemeriksaan penilaian di tempat kerja. Ia merupakan salah satu hasrat daripada Naib Canselor, UniMAP untuk mempertingkatkan pengurusan KKP bermula tahun 2024.</p> <p>2. Sebanyak 14/17 makmal di FKTM A, 7/8 makmal di FKTM B, dan 19/19 makmal di FKTM C telah terlibat dalam pemeriksaan penilaian bil. 1 tahun 2024. Perincian dapatan boleh diakses melalui laman senawang JPKPKP FKTM di https://sites.google.com/unimap.edu.my/hasilsemakan/home</p> <p>3. Sebanyak 17 makmal memperolehi tahap 6, 21 makmal memperolehi tahap 5 dan 2 makmal memperolehi tahap 4. Hasil dapatan pemeriksaan penilaian di tempat kerja adalah seperti :</p> <p>1. Sebanyak 33 makmal mengalami : 2.1 - Adakah semua staf telah menjalani Induksi Umum Keselamatan Tempat Kerja? Hal ini telah dilaporkan sebagai salah satu pengurusan risiko di FKTM memandangkan kursus ini telah dipohon kepada pihak COSHE melalui surat bertulis dengan no. rujukan UniMAP.FKTM/300/300-2/1/2023(72) yang bertarikh 6 April 2023. Akan tetapi, COSHE gagal menawarkan kursus ini dan beberapa kursus yang lain kepada FKTM dalam tahun 2023.</p> <p>2. Sebanyak 27 makmal mengalami : 2.2 - Adakah semua staf menjalani Kursus Keselamatan Bangunan dan Kebakaran? Disebabkan oleh kursus ini dijalankan</p>	<p>Makluman</p> <p>makluman</p> <p>makluman</p> <p>makluman</p> <p>JKKP</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>7. Kemaskini HIRARC FKTM telah dikenalpasti sebagai aktiviti utama KKP menjelang tahun 2024. Kemungkinan bengkel HIRARC akan bermula Mar 2024 sebaik proses pemindahan server selesai dilakukan. Sekiranya tidak, kemaskini HIRARC perlu dilengkapkan dalam tahun 2024 juga.</p> <p>8. Peringatan untuk pemberian taklimat keselamatan yang meliputi pintu keluar, laluan kecemasan dan tempat berkumpul telah dihebahkan melalui email kepada semua staff FKTM sebelum semester 2 sidang akademik 2023/2024 bermula. Taklimat keselamatan ini telah diringkas melalui video keselamatan yang disediakan oleh JPKPKP FKTM. Taklimat peraturan makmal baharu turut perlu diberikan kepada para pelajar pada awal semester.</p> <p>9. Para tenaga pengajar turut diperingatkan untuk memberi taklimat tatacara penggunaan mesin/peralatan, penggunaan PPE, dan penerang hazard dan risiko yang berkaitan. Selepas taklimat, pelajar diwajibkan untuk menandatangani surat akuan pengguna. Penggunaan mesin/peralatan dan PPE perlu direkodkan.</p> <p>10. Taklimat tindakan pengungsian bangunan, tindakan semasa kecemasan, tindakan kecemasan kegagalan utiliti dan tindakan kecemasan tumpahan & kebocoran bahan kimia turut boleh diberikan kepada pelajar sekiranya bersesuaian.</p>	<p>makluman</p> <p>makluman</p> <p>makluman</p> <p>makluman</p>
7	<p><i>Pelaporan pengurusan bahan kimia</i></p> <p>1. Sejak mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 4 tahun 2023 yang lepas, beberapa penambahbaikan telah dilakukan ke atas pengurusan bahan kimia.</p> <p>2. Penilaian ke atas makmal/bengkel di FKTM A dan FKTM B telah mendapati bahawa selain makmal FKTM A19 yang telah disenarai sebagai makmal yang menggunakan bahan kimia serta makmal FKTM A15 yang dirancang untuk menggantikan makmal FKTM C1 setelah pemindahan dari UniCITI, makmal FKTM A1 dan FKTM B6 juga mempunyai penggunaan bahan kimia.</p> <p>3. Wakil PLV pauh, En. Masri Zairi Mohd Zin memaklumkan bahawa makmal FKTM B3 telah diserahkan kepada program kejuruteraan automotif dan didapati bahawa terdapat penggunaan minyak pelincir yang tergolong dalam buangan terjadual. Maka, turut dipersetujui untuk disenaraikan sebagai makmal yang mempunyai penggunaan bahan kimia.</p> <p>4. Kemaskini SDS turut telah dilakukan oleh pegawai perolehan & pendaftaran bahan kimia, Dr. Lee Yit Leng di makmal FKTM A1, FKTM A15 dan FKTM B6. Semua pengguna dan pemilik bahan kimia disarankan untuk melakukan proses pendaftaran bahan kimia dan bukannya pegawai perolehan & pendaftaran bahan kimia.</p> <p>5. Peringatan untuk pendaftaran bahan kimia dan rekod penggunaan bahan kimia telah dihebahkan melalui email kepada semua staff FKTM sebelum semester 2 sidang akademik 2023/2024 bermula.</p> <p>6. Setiausaha menyarankan kepada JPBK untuk menyiapkan tanda amaran bahan kimia pada pintu masuk makmal bahan kimia. Selain itu, piawai label bekas bahan kimia turut perlu disediakan berdasarkan keperluan undang-undang.</p> <p>7. Turut disarankan kepada JPBK untuk memastikan SDS dalam pengkalan data FKTM tidak melebihi tempoh 5 tahun berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh COSHE.</p> <p>8. Atas kekangan peruntukan budget pada tahun 2024, JPBK disarankan untuk mengemukakan cadangan pembelian kabinet penyimpanan bahan kimia untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh pihak pengurusan universiti.</p>	<p>makluman</p> <p>makluman</p> <p>makluman</p> <p>makluman</p> <p>makluman</p> <p>JPBK</p> <p>JPBK</p> <p>JPBK</p>
8	<p><i>Pelaporan pengurusan buangan terjadual</i></p> <p>1. Sejak mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 4 tahun 2023 yang lepas, JPBT Pauh meneruskan rekod jadual kelima di kampus Pauh (FKTM A & FKTM B) setiap hujung bulan mengikut Takwim Penghantaran Laporan Bulanan Inventori Buangan Terjadual bagi tahun 2023 yang disediakan oleh COSHE. Terkini (28 Feb 2024) di stor makmal FKTM Pauh:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. SW421 (Campuran buangan terjadual) @ makmal FKTM A15= 11.35kg. 2. SW301 (Asid organik terpakai dengan pH yang kurang daripada atau sama dengan 2 yang menghakis atau berbahaya) @ makmal FKTM A15 = 2.2kg. 	<p>makluman</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>2. Pelupusan buangan terjadual secara berkala yang dijalankan berdasarkan perancangan COSHE telah dibuat terakhir di FKTM Pauh pada fasa 2 bertarikh 16 Oktober 2023.</p> <p>3. Permohonan bekas-bekas penyimpanan buangan terjadual berdasarkan perancangan atau permintaan penyimpanan buangan terjadual. Terkini permohonan pada 21 Februari 2024 (Lampiran A) iaitu memohon 4 tong carboy 30L dan 4 kotak kertas A (pending) telah berjaya diambil pada 27 Februari 2024 untuk ditempatkan di FKTM Zon A.</p> <p>4. Untuk makluman, disebabkan oleh pemindahan operasi makmal dari UniCITI ke kampus Pauh, maka tiada penggunaan bahan kimia di FKTM C menyebabkan tiada sebarang buangan terjadual. Akan tetapi, dimaklumkan bahawa terdapat sedikit bahan kimia yang perlu dilupuskan dan proses penyemakan masih dilakukan. Setelah selesai proses menyemakan, proses pelupusan melalui buangan terjadual akan dilakukan.</p> <p>5. Perancangan JPBT untuk tahun 2024 adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Meneruskan rekod jadual kelima (contoh Lampiran B) di kampus Pauh (FKTM A & FKTM B) dan disediakan pada setiap hujung bulan mengikut Takwim Penghantaran Laporan Bulanan Inventori Buangan Terjadual bagi tahun 2024 (Lampiran C) yang disediakan oleh COSHE. 2. Pelupusan buangan terjadual secara berkala yang dijalankan berdasarkan perancangan COSHE. Terkini fasa 1 2024 selewatnya mungkin sebelum 27 Mei 2024. 3. Permohonan bekas-bekas penyimpanan buangan terjadual berdasarkan perancangan atau permintaan penyimpanan buangan terjadual. 4. Mengkaji keperluan penyediaan tempat pelupusan buangan terjadual di FKTM B3 dan B6 berdasarkan rekod buangan terjadual yang dihasilkan di makmal/bengkel terbabit. 5. JPBT Pauh merancang membeli 10 dulang takungan sekunder buangan terjadual (SW) dan 10 papan tanda stor buangan terjadual (SW) seperti dalam dalam senarai permohonan Bajet JKKP FKTM 2024. 6. Menghadiri kursus-kursus berkaitan buangan terjadual seperti Kursus Pengurusan Buangan Terjadual, Kursus Pengurusan Bahan Kimia, Kursus Pengurusan Hazad Bahan Kimia dan lain-lain jika berkaitan yang dianjurkan oleh COSHE atau lain-lain. <p>6. Atas kekangan peruntukan budget pada tahun 2024, JPBT disarankan untuk kali semula pembelian dulang takungan sekunder buangan terjadual (SW). Untuk tahun 2024 hanya fokus kepada yang kritikal dan mendesak. Baki akan diteruskan pembelian dalam tahun 2025.</p> <p>7. JPBT disarankan untuk mereka tanda stor buangan terjadual berdasarkan piawai. Tanda-tanda ini boleh dicetak secara dalaman untuk mengurangkan kos atas kekangan peruntukan budget.</p>	<p>makluman</p> <p>makluman</p> <p>makluman</p> <p>makluman</p> <p>JPBT</p> <p>JPBT</p>
9	<p><i>Pelaporan pengurusan keselamatan mekanikal</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelaporan ringkas JPKM pada tahun 2023 adalah seperti yang berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1. Pembaharuan dan penyelenggaraan semula alat pemadam api sekitar permis FKTM yang akan tamat pada 30 Oktober 2024. 2. Pembaharuan dan penyelenggaraan pemampat udara di bawah seliaan Jabatan Pembangunan (Unit Mekanikal) yang akan tamat pada 15 April 2024. 3. Menaiktaraf paip sesalur dan sistem (water sprinkler system) keseluruhan zon FKTM A dan FKTM B (masih dalam ujian). 4. Membantu dalam membangunkan spesifikasi tender peralatan baru FKTM dari aspek berkaitan dengan pemampat udara (Dokumentasi Sijil Perakuan Kelayakan (CF) adalah perlu disediakan oleh kontraktor. 5. Pemantauan lisan berkala pada setiap suku tahun-Q4 di antara bulan oktober hingga disember 2023. 2. Perancangan JPKM pada tahun 2024 meliputi dokumentasi pada Q1 2024 iaitu permohonan, dokumentasi tender dan penempatan; pematuhan pada Q2 2024 iaitu sijil kelayakan, pemasangan dan pertauliah; kursus & kesedaran pada Q3 2024 	<p>makluman</p> <p>makluman</p>


BIL.	PERKARA	TINDAKAN
3.	<p>iaitu kursus PMB-COSHE, kursus penyelenggaraan dan lawatan industri; dan pemantauan pada Q4 2024 iaitu selenggara, audit dan 5S.</p> <p>JPKM memaklumkan statistik mesin & jentera UniMAP 2024 seperti :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Permit mesin tekanan (PMT) : <ol style="list-style-type: none"> i. Aktif : 13 ii. Tidak aktif : 10 2. Permit mesin dandang (PMD) : <ol style="list-style-type: none"> i. Aktif : 0 ii. Tidak aktif : 0 3. Permit mesin angkat (PMA) : <ol style="list-style-type: none"> i. Aktif : 1 ii. Tidak aktif : 0 	makluman
4.	<p>Jumlah alat pemadam api di FKTM termasuk di bawah tanggungan Jabatan Pembangunan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. FKTM A : 101 unit 2. FKTM B : 24 unit 3. FKTM C : 30 unit 	makluman
5.	<p>JPKM memaklumkan untuk aset baharu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memaklumkan kepada pegawai COSHE untuk memperbaharui sijil kelayakan selewat-lewatnya dua (2) bulan sebelum sijil kelayakan tamat tempoh. 2. Penyelenggaraan terhadap mesin/jentera yang berperakuan dilakukan oleh kontraktor yang kompeten dan berdaftar dengan JKPP. 3. Menyimpan salinan sijil kelayakan tersebut dan salinan asal perlu dipamerkan berhampiran mesin/jentera. (sijil kelayakan dimuat turun dari sistem mykkp). 4. Memaklumkan kepada COSHE secara bertulis untuk permohonan penangguhan pemeriksaan ulangan mesin/jentera selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum cf tamat. 5. Hendaklah memastikan mesin/jentera diselenggara dan dalam keadaan baik dan selamat untuk beroperasi. 	makluman
6.	<p>SOP pendaftaran baharu mesin & jentera :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Surat permohonan NO. PENDAFTARAN TEMPAT KERJA kepada COSHE 2. Terima surat penyerahan NO. PENDAFTARAN TEMPAT KERJA daripada COSHE 3. Daftar Mesin & Jentera: 4. Pihak COSHE daftar dalam system MyKKP atau 5. Pihak Pembekal/Kontraktor yang kompeten 6. Permohonan Pemeriksaan Pertama Mesin & Jentera 7. Pamer sijil kelayakan & Sediakan buku rekod selenggara 8. Terima notifikasi dari pihak COSHE (2 bulan) sebelum sijil kelayakan tamat tempoh 9. Permohonan Pemeriksaan Ulangan Mesin & Jentera 	makluman
7.	<p>Perkara asas yang perlu ada pada mesin & jentera (PMD & PMT) adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Label <ol style="list-style-type: none"> i. Plate No Pendaftaran Mesin/Jentera ii. Label Bilik Mesin & Jentera (sekiranya mesin & jentera berada di dalam bilik) 2. Tanda Max Pressure & Takat Kerja Selamat pada Pressure Gauge 3. Pamerkan sijil kelayakan & mempunyai buku rekod selenggara 	makluman
8.	<p>JPKM disarankan untuk menyemak pintu akses bilik utiliti dan memastikan pintu masuk utiliti mempunyai tanda yang menunjukkan hanya orang yang dibenarkan boleh akses. Perkara ini perlu dinyatakan dalam laporan audit pemantauan KKP FKTM yang lama.</p>	JPKM
10	<p><i>Pelaporan pengurusan kecemasan dan insiden</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sejak mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 4 tahun 2023 yang lepas, JPERT Zon C4 sentiasa mengemaskini maklumat/ info kebakaran di makmal/bilik kuliah setiap kali berlaku perubahan terkini seperti poster: <ol style="list-style-type: none"> 1. QR Peraturan Makmal FKTM (27 November 2023) 2. Carta JPKPKP FKTM (4 Disember 2023) 	makluman

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>3. Prosedur Tindakan Kecemasan (20 Disember 2023)</p> <p>2. Terlibat bersama persediaan audit:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 pada 14 Disember 2023. 2. Audit ETAC bagi 4 program RY di FKTM oleh auditor ETAC pada 12 Disember 2023. <p>3. Pada 22 Februari 2024 telah terjadi kebakaran di tingkat 3 bilik pensyarah FKTM, bangunan FKTM Zon A. Komander Insiden Zon C4 telah mengaktifkan JPERT ZON C4 untuk proses pengungsian bangunan ZON C4 sekitar pukul 3.15pm. Seorang mangsa (PM. Dr. Phak Len Ai Eh Kan) selamat dan jumlah kerugian sebenar masih dalam proses pengumpulan maklumat. Senarai peralatan yang rosak beserta jumlah kerugian akan dilaporkan kepada unit forensik bomba dan juga polis bagi tujuan tuntutan insuran dalam masa terdekat ini. Kemungkinan pada 5 Mac 2024.</p> <p>4. Antara cadangan pembetulan atau penambahbaikan yang dicadangkan oleh JPERT Zon C4 setelah mengambil kira kebakaran pada 22 Februari 2024 ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pemeriksaan dan penaiktarafan sistem penggera keselamatan, sistem sprinkler dan lain-lain yang berkaitan perlu dilakukan segera di bangunan Zon C4 oleh Jabatan Pembangunan (JP) seperti yang telah dirancang. 2. Pengisian semula 3 alat pemadam api jenis ABC yang telah digunakan oleh JPERT Zon C4 semasa kebakaran oleh JP. 3. Semua peralatan elektrik di bilik-bilik persendirian di bangunan Zon C4 perlu dimatikan setiap kali sebelum staf pulang kerja seperti aircond, lampu dan lain-lain. 4. Penggantian semua aircond lama di bangunan Zon C4 perlu dilakukan segera oleh JP seperti yang telah dirancang sebelum ini. <p>5. Perancangan tahun 2024 oleh JPERT zon C4 adalah seperti:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Merancang untuk mengadakan satu sesi latihan pertolongan cemas yang dikendalikan oleh PKU jangkaan pada bulan April 2024 (tarikh sebenar akan dimaklumkan oleh PKU dimana PKU merancang mengadakan kursus tersebut sebanyak 3 kali untuk tahun 2024 ini). 2. Melakukan aktiviti fire-drill atau yang membabitkan bahan kimia untuk tahun 2024 selewatnya pada Mei 2024. 3. Bekerjasama dengan JKKP FKTM bagi mengemaskini pemeriksaan 24 alat pemadam api kepunyaan FKTM yang tamat tempoh pada 12 Mei 2024. 4. JPERT (Ketua blok/aras) merancang membeli 2 unit loud hailer bagi memudahkan proses pengungsian bangunan di Zon C4. 5. JPERT (Pasukan pemadam & penyelamat) merancang membeli PPE seperti mask, safety shoes, goggle dan lain-lain bagi tujuan penyelamatan semasa kebakaran <p>6. JPERT disarankan untuk mengadakan satu sesi mesyuarat post-mortem di kalangan ahli pasukan ERT zon C4 ke atas kejadian kebakaran yang berlaku pada 22 Februari 2024. Semasa mesyuarat post-mortem, turut disarankan untuk mengenalpasti PPE yang kritikal terutamanya untuk pasukan pemadam dan penyelamat. PPE yang dicadangkan perlu dikemukakan kepada JPKPKP FKTM semasa mesyuarat JPKPKP bil.2 tahun 2024.</p> <p>7. Atas kekangan budget tahun 2024, JPERT disarankan untuk kenalpasti pembelian yang kritikal dan mendesak.</p>	<p>makluman</p> <p>makluman</p> <p>makluman</p> <p>JPERT</p> <p>JPERT</p> <p>JPERT</p>
11	<p>Usul-usul pekerja untuk mesyuarat JPKPKP FKTM bil. 1 tahun 2024</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. JKKP memaklumkan bahawa tiada sebarang usul yang diterima melalui platform laman senawang JPKPKP FKTM. 2. Tiada sebarang usul yang dikemukakan melalui wakil-wakil pekerja. 	<p>makluman</p> <p>makluman</p>
12	<p>Hal-hal berbangkit</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Terdapat cadangan untuk penambahbaikan dari segi carta JPKPKP FKTM dengan mengambil kira kelemahan dan keperluan semasa seperti: 	<p>Makluman</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>1. Penyelaras buangan terjadual pauh terbahagi kepada penyelaras buangan terjadual FKTM A dan penyelaras buangan terjadual FKTM B.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Disebabkan beban kerja penyelaras buangan terjadual pauh sediaada di JPRT, penyelaras buangan terjadual pauh perlu digantikan dengan calon baharu. ii. Pada masa yang sama atas penambahan makmal bahan kimia, dicadangkan untuk mewujudkan penyelaras buangan terjadual FKTM A dan penyelaras buangan terjadual pauh FKTM B. iii. Calon untuk penyelaras buangan terjadual FKTM A ialah Capt. Muhammad Khairy Md Naim dan penyelaras buangan terjadual pauh FKTM B ialah Dr. Mohd Shahril Shariff. iv. Disebabkan lantikan penyelaras buangan terjadual adalah dari Naib Canselor, maka buat sementara waktu jawatan penyelaras buangan terjadual pauh masih dikekalkan. Tugasnya diambil alih oleh penyelaras buangan terjadual FKTM A dan penyelaras buangan terjadual pauh FKTM B yang dibawa seliaan penyelaras buangan terjadual UniCITI atau akan diterjenamakan sebagai penyelaras buangan terjadual FKTM C. 	makluman
	<p>2. Penambahan jawatan penjaga stor bahan kimia di semua makmal bahan kimia. Penjaga-penjaga stor bahan kimia ini di bawah seliaan pengurus bahan kimia. Mereka melaksanakan prosedur yang dirancang oleh JPBK dan JPBT. Calon penjaga stor adalah seperti :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Penjaga stor bahan kimia FKTM A1 : En. Suhelmi Senawi ii. Penjaga stor bahan kimia FKTM A15 : En. Mohd Nazry Mat Nayan iii. Penjaga stor bahan kimia FKTM A19 : En. Mohamad Jasmin Shaari iv. Penjaga stor bahan kimia FKTM B3 : En. Mohammad Amirol Johari v. Penjaga stor bahan kimia FKTM B6 : En. Muhamad Aliff Mad Yussof 	makluman
	<p>3. Penambahan jawatankuasa penilaian sendiri (JPK) yang mana seperti yang pernah dibincangkan dalam mesyuarat JPKPKP FKTM yang lepas, pemeriksaan penilaian di tempat kerja dilaksanakan oleh ketua zon dan dibantu oleh pembantu zon.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. FKTM A Ketua : En. Masri Zairi Mohd Zin Penolong : Tc. Narrezal Abdul Razak ii. FKTM B Ketua : Ts. Mohd Asrul Md Saad Penolong : En. Norzarul Asri Kamis iii. FKTM C Ketua : En. Muhamad Qauyum Zawawi Ahmad Suffin Penolong : En. Rosiswardi Rusli 	makluman
	<p>2. Cadangan untuk penambahbaikan dari segi carta JPKPKP FKTM telah mendapat persetujuan daripada semua ahli JPKPKP FKTM yang hadir. Setiausaha akan mengeluarkan surat lantikan dan mengariskan peranan dan fungsi jawatan baharu yang diwujudkan.</p>	setiausaha
	<p>3. Terdapat cadangan untuk penambahbaikan dari segi carta pasukan tindak balas kecemasan di zon C4, JPKPKP FKTM dengan mengambil kira kelemahan semasa kejadian kebakaran pada 22 Feb 2024 seperti:</p>	makluman
	<ul style="list-style-type: none"> 1. Penambahan jawatan seperti penolong pasukan bantu mula, penolong pasukan pemadam & penyelamat, penolong pasukan kawalan trafik, dan penolong blok. Penolong-penolong ini akan menggantikan ketua pasukan ketika kejadian insiden di mana ketua pasukan tiada di kawasan. Calon-calon penolong pasukan ini bakal dicadangkan oleh JPRT yang terdiri daripada ahli sediaada. Kekosongan yang ditinggalkan akan digantikan oleh ahli baharu dari FKTM dan FKTM selepas perbincangan dengan dekan masing-masing. 2. Penambahan jawatan ketua aras 3. Buat sementara waktu, hanya terdapat seorang ketua aras 3. Semasa kejadian kebakaran di aras 3, ketua aras 3 ini telah mengambil cuti. Perlunya penambahan seorang ketua aras 3 untuk mengambil alih tugas semasa ketiadaan ketua aras 3 yang asal. Disebabkan kebanyakan makmal di aras 3 merupakan makmal FKTM, maka perbincangan dengan dekan FKTM untuk penambahan ketua aras 3 ini akan dilakukan. 	JPRT setiausaha

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>4. Cadangan untuk penambahbaikan dari segi carta pasukan tindak balas kecemasan di zon C4, JPKPKP FKTM telah mendapat persetujuan daripada semua ahli JPKPKP FKTM yang hadir. Setiausaha akan mengeluarkan surat lantikan selepas calon-calon telah dikenalpasti dan mengariskan peranan dan fungsi jawatan baharu yang diwujudkan.</p> <p>5. Wakil majikan En. Hasrul Nizam Halim menyarankan JPKPKP untuk menganjurkan sekurang-kurangnya 2 kursus atau bengkel. Kemungkinan boleh menghasilkan kertas kerja untuk memperolehi kelulusan kewangan dari luar FKTM iaitu kewangan UniMAP. Hal ini akan dipertimbangkan untuk meringankan beban kewangan FKTM.</p>	<p>setiausaha</p> <p>makluman</p>
13	<p>Penutup oleh pengerusi JPKPKP FKTM</p> <p>1. Ucapan terima kasih dan memohon agar semua ahli JPKPKP FKTM untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberi.</p> <p>2. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1:00 tengahhari.</p>	<p>makluman</p> <p>makluman</p>

Disediakan oleh:



(Ts. Dr. Tan Wee Choon)

Setiausaha / Pengurus JPKPKP FKTM

DR. TAN WEECHOON

Senior Lecturer

Mechanical Engineering Programme

Faculty of Mechanical Engineering Technology

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Email : tweechoon@unimap.edu.my

Disahkan oleh:



(Prof. Ir. Ts. Dr. Shariman Abu Bakar)

Pengerusi JPKPKP FKTM

Dekan

Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM)

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Email: shariman@unimap.edu.my

MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN, PESEKITARAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JPKPKP)
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI MEKANIKAL (FKTM)
Bil. 1 TAHUN 2024

Tarikh : 5 March 2024 (Selasa)
Masa : 10:00 pg – 1:00 tgh
Tempat : Bilik Seminar Siantan, FKTM A

BIL	NAMA	JAWATAN	TANDATANGAN
1	Prof. Ir. Ts Dr. Shahriman Abu Bakar	Pengerusi	Signature
2	Ts. Dr. Syamir Alihan Showkat Ali	Timbalan Pengerusi	Signature
3	Ts. Dr. Tan Wee Choon	Setiausaha / Pengurus	Signature
4	En. Hasrul Nizam Halim	Wakil Majikan (Wakil Staf Pejabat)	Signature
5	Ts. Dr. Hj. Nor Zaiazmin Yahya	Wakil Majikan (Wakil Pensyarah)	Signature
6	En. Masri Zairi Mohd Zin	Wakil Majikan (Wakil PLV Pauh) / Komander Insiden C4 / Penyelaras Buangan Terjadual Pauh	Signature
7	En. Muhamad Qauyum Zawawi Ahmad Suffin	Wakil Majikan (Wakil PLV UniCITI)	Signature
8	Ts. Muhammad Khairy Md Naim	Wakil Pekerja (Wakil Pejabat)	Signature
9	Tc. Narzrezal Abdul Razak	Wakil Pekerja (Wakil FKTM A) / Penyelaras Keselamatan Mekanikal	Signature
10	En. Norzarul Asri Kamis	Wakil Pekerja (Wakil FKTM B)	Signature
11	En. Rosiswardi Rusli	Wakil Pekerja (Wakil FKTM C)	Signature
12	Ts. Dr. Mohd Zamzuri Mohammad Zain	Penyelaras Bahan Kimia	Signature
13	Dr. Lee Yit Leng	Pegawai Perolehan & Pendaftaran Kimia	Signature
14	Prof. Madya Ts. Dr. Tan Chye Lih	Pegawai Pengendalian Bahan Kimia	Signature
15	Ts. Liyana Jamaludin	Penyelaras Buangan Terjadual UniCITI	Signature
16			
17			